

14/05/1997

Menghapus belenggu mental masyarakat terhadap Internet

Ahmad Ghazali Musa

MALAYSIA menjadi negara pertama di Asia diberi kepercayaan menganjurkan Persidangan Tahunan Masyarakat Internet Antarabangsa 1997 (INET 97). Ia satu penghormatan.

Walaupun persidangan itu tidak sebesar persidangan lain namun ia mampu menjadi input terbaik kepada agenda pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menekankan tujuh aplikasi utama yang semuanya membabitkan penggunaan Internet.

Tujuh aplikasi MSC itu ialah sekolah bestari, kad pintar pelbagai guna, kerajaan elektronik, perdagangan menerusi Web, kelompok penyelidikan dan pembangunan (R&D cluster), teleperubatan dan pusat kewangan.

Pemilihan Malaysia itu pastinya berasas inisiatif dan komitmen yang tidak berbelah-bagi kerajaan, menggariskan dasar dan agenda jelas MSC sebagai tonggak pembangunan IT negara.

INET '97 bukan diadakan saja-saja. Ia bukan bertujuan meniru gaya dan cara pembangunan teknologi negara membangun tetapi bagi mengajak masyarakat, menghayati pembangunan alaf baru yang dicetuskan Internet untuk negara menjadi lebih berdaya saing.

Bagaimana kita boleh memanfaatkan IT bagi pembangunan negara secara lebih mapan, pantas dan sihat, mengikut acuan serta nilai kita sendiri? Bagaimana kita dapat membentuk satu masyarakat dinamik dan kreatif, tidak terus mengetepi atau memperbodohkan diri terhadap teknologi baru itu? Pengerusi Jawatankuasa Persidangan INET '97, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, baru-baru ini, berkata perjumpaan masyarakat Internet itu adalah laluan terbaik kepada masyarakat khususnya golongan usahawan tempatan mengenal pasti dan menggarap ilmu dalam pelbagai bidang menguntungkan menerusi Internet sesuai dengan pembangunan tujuh aplikasi MSC.

Itu dari segi komersil. Apa yang lebih penting INET '97 dapat mengikis dan menghapuskan belenggu sekatan mental untuk menerima IT sebagai pelaksana dan permudah cara tugas harian memasuki alaf baru.

Pencetus idea MSC, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Dialog MSC menerusi sidang video dari pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri (JPM) serentak ke-28 lokasi di seluruh negara berkata, halangan mental menjadi punca tidak percaya komputer boleh membuat bermacam-macam perkara.

"Ia menjadi masalah. Selagi ada halangan mental, kita akan terus takut dengan komputer. Jika kita tahu ada halangan mental, kita perlu atasinya dan dekatkan diri dengan belajar secara perlahan-lahan kerana jika dibuat berulang kali akhirnya kita akan pandai dan bijak memanfaatkan komputer," katanya.

Berikutan halangan mental itu, ditambah pula perasaan kurang yakin terhadap kemahiran diri memanfaatkan pelbagai kaedah yang diperkenalkan Internet menerusi komputer peribadi (PC) menyebabkan persidangan dan pameran IT seperti INET 97 tidak begitu mendapat perhatian masyarakat.

Hanya yang benar-benar berminat dan memiliki PC dengan kemudahan mencapai Internet memberi perhatian perkembangan baru dunia siber itu.

Apapun untuk berjaya dalam era siber sekali gus mencapai Wawasan 2020, sikap itu perlu dibuang jauh.

Jadikan INET 97, sebagai peluang terbaik bertemu pemain utama IT dunia, menimba ilmu dan pengalaman bagi menceriaikan industri teknologi maklumat (IT) negara.

Lagipun perjumpaan itu bukan bertumpu kepada ahli perniagaan dan peminat

IT semata-mata. Daripada perspektif lebih luas ia adalah untuk masyarakat secara menyeluruh.

Perjumpaan itu bukan saja kita dapat mengenali lebih dekat teknologi baru Internet, malah boleh mencubanya. Tentu kita tertanya-tanya bagaimana Internet berupaya membentuk kegiatan ekonomi tanpa berselindung seperti yang dikatakan kebanyakan peramal IT terkenal seperti Alvin Toffler, Don Tapscot dan Negroponte.

Mungkin kita juga ingin mengetahui bagaimana corak perniagaan menerusi Internet yang dikatakan tidak mementingkan saiz dan jumlah tenaga manusia dalam sesebuah syarikat untuk mereka memperolehi pendapatan lumayan serta mempertingkatkan hasil perolehan, tetapi kreativiti dan inovatif membangunkan perkhidmatan atau teknologi baru.

Bagaimana dunia Internet berupaya menjadikan sebuah syarikat kecil dengan hanya seorang dua kakitangan, beroperasi dari rumah, mempunyai pendapatan berjuta-juta dolar.

Kita juga mungkin tertanya-tanya bagaimana pembangun dan pengasas enjin carian bagi panduan melayari Internet, Yahoo, oleh Jerry Yang, 28 dan David Filo, 30, yang beribu pejabat di Sunnyvale, California, Amerika Syarikat menjadi jutawan muda menerusi usahanya memanfaatkan Internet.

Kedua-dua pemuda ini menjadi jutawan apabila enjin carian yang mereka bangunkan itu berfungsi sebagai panduan melayari Internet, mendapat sambutan menggalakkan dan dicapai oleh berjuta pengguna komputer di seluruh dunia.

Dari situ, Yahoo yang dihasilkan 1995 itu menjadi perhatian industri untuk mengiklan produk, perkhidmatan dan sebagainya menerusi enjin carian terbabit. Bukan setakat itu, pendapatan Yang dan Filo juga digerakkan daripada jutaan pengguna komputer yang menggunakan enjin carian sebagai panduan mudah melayari Internet.

Bukan setakat Yang dan Filo, syarikat gergasi yang mula bimbang dengan kemunculan syarikat bilis itu, mengambil langkah serupa memanfaatkan Internet secara maksimum. Malah kegiatan mereka yang berskala besar agak sukar ditandingi pesaing lain.

Microsoft Corporation milik Bill Gates, Netscape dengan pengasas, Dr Jims Barksdale berjaya membawa syarikat mereka ke era kecemerlangan dunia siber menerusi perisian Internet yang terus menjadi perhatian dunia seperti Internet Explorer dan Netscape Navigator.

Begitu juga International Business Machines (IBM), yang berjaya membentuk pelbagai kaedah baru dalam Internet terutama pembentukan kerajaan elektronik sehingga segmen itu menjadi penyumbang besar jumlah perolehan tahunan syarikat.

Kelebihan Internet seperti yang dibuktikan dua anak muda itu dan syarikat gergasi perlu dijadikan wawasan syarikat tempatan, tidak kiralah sama ada bersaiz besar, kecil atau sederhana menggarap ilmu dan mencari idea baru ketika berlangsungnya INET '97 nanti.

Perlu diingat, kejayaan dua anak muda yang juga bekas pelajar Universiti Standford, itu adalah satu contoh daripada beribu-ribu usahawan yang berjaya hasil usaha serta inisiatif memanfaatkan kelebihan Internet.

Internet sudah menjadi seperti `lubuk emas' bagi mereka yang bijak, kreatif dan inovatif memanfaatkannya. Bagaimanapun, jangan terlalai kerana ia juga boleh bertukar menjadi `lubuk hantu' yang akan menghancurkan sesebuah perniagaan sebesar dan sekukuh mana sekalipun, jika tersilap jalan membuat pelaburan.

Penganalisis industri meramalkan, transaksi perniagaan elektronik antara syarikat, dianggarkan bernilai RM325 bilion menjelang tahun 2000 mewakili hanya 10 peratus daripada keseluruhan perniagaan menerusi Internet.

Sedar atau tidak daripada jumlah transaksi perniagaan elektronik itu, kebanyakan syarikat yang mengaut keuntungan daripada suasana itu ialah

syarikat kecil dan sederhana.

Internet boleh jadi `lubuk emas' atau `lubuk hantu' bukan sekadar dalam dunia perniagaan, malah dalam keseluruhan aspek kehidupan manusia. Begitu nyata Internet mampu mencetuskan kekalutan dan kebimbangan di kalangan kumpulan yang mempertahankan nilai murni sejagat.

Dunia tanpa sempadan Internet yang mempertembungkan pelbagai budaya dan nilai berbeza terus menjadi isu. Apapun, gunakan pertimbangan akal dan iman, dan jangan sekali-kali guna pertimbangan syahwat hingga menjadikan isu itu sebagai alasan untuk menolak kehadiran Internet.

Masyarakat perlu menggarap ilmu dan teknologi Internet untuk kehidupan yang lebih baik.

Dengan memanfaatkan Internet, daripada satu mesin dikenali `komputer' anda boleh melakukan pelbagai tugas dengan pembangunan program bersifat terbuka (open systems) sekarang.

Dikaji dari segi sejarah pembangunannya, senario yang dibawa oleh Internet sekarang sebenarnya jauh berbeza dengan fungsinya ketika peringkat awal pembangunan pada 1960-an. Ketika itu, ia dimanfaatkan oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat untuk kegunaan dalaman.

Internet bermula sebagai satu bentuk perhubungan manusia menerusi komputer apabila inisiatif diambil untuk menghasilkan protokol rangkaian dikenali sebagai Protokol Kawalan Penghantaran/Protokol Internet (Transmission Control Protocol/Internet Protocol - TCP/IP).

Dari situ, Internet terus menjadi teras pembentukan pelbagai kegiatan baru membabitkan ekonomi, politik dan sosial sehinggalah sekarang.

Meskipun Internet sudah berjaya mencetuskan banyak teknologi dan kaedah baru, kita tidaklah terlewat untuk mengejar dan bergerak seiring dengan negara yang membangunkan teknologi itu, asal saja kita dapat memperlengkapkan diri dengan ilmu tanpa mengetepikan norma kehidupan murni tempatan.

Bertemakan The Internet: Global Frontier, INET '97 pastinya salah satu tempat yang boleh kita timba pengalaman itu. Persidangan ini akan mempertemukan 2,500 peserta dari benua Amerika, Asia, Afrika dan Eropah.

Seramai 360 wartawan dari seluruh dunia dijangka membuat liputan persidangan empat hari itu.

Menjadi harapan besar negara supaya 250,000 pengguna Internet yang ada sekarang dan dijangka bertambah di masa akan datang memanfaatkan teknologi itu mengikut pertimbangan akal dan iman dan tidak sekali-kali guna pertimbangan nafsu.

(END)